

Buku Hijau untuk didik rakyat bercermat — Mahathir

MENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir berkata semalam bahawa pelancaran Buku Hijau adalah untuk mendidik rakyat supaya cermat dan menambahkan penghasilan negara.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam satu majlis dailog dengan 300 orang petani di Sekolah Kebangsaan Teluk Malik, Jitra 15 batu dari sini.

Beliau berkata bahawa Malaysia tidak dapat memisahkan diri dengan pergolakkan kemerosotan ekonomi yang berlaku di seluruh dunia.

"Dengan pelancaran Buku Hijau ini, rakyat akan dapat menolong menambah bahan-bahan makanan terutama di bidang sayur-sayuran," tambahnya.

Sebagai contohnya, kata Dr. Mahathir lagi, sejenis pokok cili telah dapat diusahakan oleh MARDI yang akan kering dengan sendirinya di pokok bila ditanam.

"Kini kita mengimpot cili kering tetapi jika rakyat berusaha menanam pokok cili ini di kawasan-kawasan lapang di halaman masing-masing saya yakin kita bukan sahaja akan dapat menampung kekurangan malah kita akan mampu mengekspot cili seperti

itu," tegas beliau.

Beliau lalu mengingatkan petani-petani supaya selalu berwaspada terhadap anasir-anasir yang hendak menimbulkan ketegangan di kalangan petani-petani sekalian.

"Setiap langkah tuan-tuan hendaklah berpandukan kepada aturan-aturan dan prinsip-prinsip yang telah ada," katanya.

Aturan

Dr. Mahathir menarik perhatian petani-petani terhadap kegiatan golongan pelajar-pelajar yang menurut beliau memimpin satu tunjuk perasaan liar baru-baru ini di Kuala Lumpur tanpa sebarang sebab yang boleh diterima pada akal.

"Pelajar-pelajar ini bertindak, kerana mereka tidak berpegang kepada aturan-peraturan dan prinsip-prinsip yang tertentu."

"Begitu juga dengan sebilangan pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara yang melancarkan mogok baru-baru ini kerana mereka juga tidak mematuhi prinsip-prinsip kenegaraan," tambahnya.

Dr. Mahathir lalu mengingatkan lagi petani-petani bahawa tindakan tunjuk perasaan liar dan mogok haram itu bukan sahaja menyusahkan pihak kerajaan tetapi juga negara dan rakyat seluruhnya.

Sebagai seorang doktor beliau menarik perhatian petani-petani terhadap mogok pekerja-pekerja LLN bahawa sekiranya berlaku halangan dalam bekalan letrik di hospital-hospital apakah yang akan terjadi ketika seseorang pesakit itu sedang menjalani sesuatu pembedahan.

"Inilah yang harus kita fikirkan sebelum kita bertindak sesuatu tanpa berpegang kepada prinsip-prinsip dan peraturan-peraturan yang tertentu," katanya.



Dr. Mahathir.

ALOR SETAR 2 FEB
ULM - 3 FEB 1975